

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
MALAYSIA

PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PEMASANG DAN PEMBUKA LIF, ESKALATOR DAN LALUAN GERAK

2026

PRAKATA

Panduan Permohonan Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pemohon dalam membuat permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran. Panduan ini bertujuan untuk memberikan penerangan yang jelas berhubung keperluan dokumen serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi memastikan setiap permohonan dikemukakan dengan lengkap dan teratur serta selaras dengan kehendak dan ketetapan semasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Penerbitan panduan ini merupakan salah satu usaha Jabatan dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan kefahaman pihak industri terhadap keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan berkaitan pemasangan loji yang menghendaki perakuan kelayakan (LYMPK) oleh Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak. JKKP berharap panduan ini dapat membantu pihak industri memahami proses permohonan dengan lebih jelas dan memudahkan urusan permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak.

Sehubungan itu, pihak industri digalakkan untuk mengambil peluang menggunakan dan memanfaatkan kandungan panduan ini sebagai rujukan dalam merancang, menyediakan serta mengemukakan permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak. Pengurusan yang teratur dan pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan adalah penting bagi memastikan loji yang dipasang mengambil kira aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta mematuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*] dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

Ir. Ts. HAJAH HAZLINA BINTI YON
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
2026

PENGHARGAAN

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada individu berikut atas sumbangan mereka secara langsung dan tidak langsung semasa merangka **Panduan Permohonan Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak.** Panduan ini telah disediakan oleh:

Bil.	Nama Ahli Jawatankuasa	Bahagian / Negeri
1.	Tuan Haji Supian bin Alias (Pengerusi)	Bahagian Keselamatan Industri
2.	Shahrill bin Sulaiman	Bahagian Keselamatan Industri
3.	Ir. Hamili bin Omar	Bahagian Keselamatan Industri
4.	Haji Mohd Fakharozi bin Ahmad Tarmizi	Bahagian Keselamatan Industri
5.	Mohd Hairul bin Mat Husin	Bahagian Keselamatan Industri
6.	Ir. Ts. Mohammad Ridzwan bin Abdul Rahim	Bahagian Keselamatan Industri
7.	Ts. Syamsul Kamal bin Arifin	Bahagian Keselamatan Industri
8.	Mohd Sabri bin Salleh	Bahagian Keselamatan Industri
9.	Azizan bin Kamis	Bahagian Keselamatan Industri

KANDUNGAN

		MUKA SURAT
PRAKATA		i
PENGHARGAAN		ii
SENARAI JADUAL		iv
TERMA		iv
DEFINISI		v
1.0	**PENDAHULUAN**	1
2.0	**PUNCA KUASA**	1
3.0	**SKOP**	2
4.0	**SYARAT PERMOHONAN**	2
5.0	**PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN**	4
6.0	**DOKUMEN**	14
7.0	**PEMAKLUMAN**	19
8.0	**FI**	19
9.0	**PIAGAM PELANGGAN**	20
10.0	**TEMPOH PERALIHAN PELAKSANAAN**	20
11.0	**PERTANYAAN**	21

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Skop pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak.
Jadual 2	Nota penerangan berkaitan kategori permohonan
Jadual 3	Kriteria kelayakan kakitangan teknikal
Jadual 4	Nota penerangan berkaitan maklumat cawangan
Jadual 5	Penerangan berkaitan butiran dokumen permohonan
Jadual 6	Fi pemprosesan

TERMA

BEM	*Board of Engineers Malaysia*
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
IPT	institut pengajian tinggi
KKP	keselamatan dan kesihatan pekerjaan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LYMPK	loji yang menghendaki perakuan kelayakan
MOUA	memorandum peerjanjian / *memorandum of aggreement*
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia / *Malaysian Qualifications Agency*
OSH-C	Penyelaras KKP / *OSH Coordinator*
OYB	orang yang berkelayakan
PBT	pihak berkuasa tempatan
PEMTK	pemberitahuan tempat kerja
Perkeso	Pertubuhan Keselamatan Sosial
SHO	pegawai keselamatan dan kesihatan / *safety and health officer*
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SSS	penyelia keselamatan tapak / *site safety supervisor*

DEFINISI

laluan gerak	ertinya suatu jentera mengangkat untuk mengangkut orang yang permukaan pembawa pengguna itu kekal selari dengan setiap arah gerakan dan tidak terganggu
lif	ertinya suatu jentera mengangkat dengan pemacu tarikan, positif atau hidraulik, yang berfungsi pada aras tertentu dan mempunyai pembawa yang bergerak di sepanjang panduan yang tegar dan condong pada sudut lebih daripada 15 darjah ke arah mengufuk, atau di sepanjang laluan tetap walaupun ia tidak bergerak di sepanjang panduan tegar, bagi maksud mengangkut orang sahaja, atau orang dan barang tetapi ia tidak termasuk lif dengan kelajuan terkadar kurang daripada 0.15 meter per saat
orang kompeten	ertinya orang kompeten yang berdaftar di bawah Seksyen 31C Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*]
Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak	adalah orang kompeten dalam bentuk syarikat yang menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam klausa 2.1
orang yang berkelayakan	ertinya orang kompeten
standard yang diiktiraf	ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 [*P.U.(A) 99/2024*]

1.0 PENDAHULUAN

1.1. Panduan ini dinamakan sebagai **Panduan Permohonan Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak**. Panduan permohonan ini disediakan oleh Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri (BKI), JKKP sebagai rujukan kepada pemohon semasa membuat permohonan:

(i) pendaftaran;
(ii) pembaharuan pendaftaran; dan
(iii) kemas kini maklumat

bagi Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak melalui sistem mySKUD.

Nota: sistem mySKUD boleh dicapai melalui sistem *single sign on* (SSO) di portal MyKKP (http://mykkp.dosh.gov.my/)

1.2. Panduan permohonan ini telah dikemas kini dan disediakan menurut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*] dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (“Peraturan LYMPK”). Panduan ini mula berkuat kuasa pada **30 Oktober 2026**.

2.0 PUNCA KUASA

2.1. Seksyen 31B Akta 514 telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Kelima seperti memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan melainkan jika dia telah berdaftar sebagai orang kompeten di bawah Akta ini.

2.2. Selain itu, menurut perenggan 4(1)(g) Peraturan LYMPK, jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu merupakan dandang stim atau jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh Peraturan LYMPK, dandang stim atau jentera mengangkat itu hendaklah dipastikan dipasang oleh orang kompeten atau pengilang asalan.

3.0 SKOP

Skop panduan permohonan pendaftaran adalah berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Skop pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak

Skop Pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak	
Kod	**Skop**
L1	Lif
L2	Eskalator
L3	Laluan Gerak

4.0 SYARAT PERMOHONAN

4.1. Pemohon perlu mempunyai tempat kerja utama yang telah mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja (PEMTK) dan berdaftar dengan JKKP Negeri di bawah sektor pembuatan atau perkhidmatan perniagaan melalui sistem MyKKP. Tempat kerja utama tersebut hendaklah dipastikan lengkap dengan jentera dan peralatan kawalan kualiti mengikut skop yang dipohon.

4.2. Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal yang bertanggungjawab untuk setiap bahagian. Lima (5) bahagian wajib yang terlibat adalah seperti berikut:

(i) Bahagian Projek Kejuruteraan;
(ii) Bahagian Kawalan Kualiti (QA / QC);
(iii) Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP);
(iv) Bahagian Orang Yang Berkelayakan Lif (“OYB Lif”) yang terdiri

daripada OYB Lif Gred 1, Gred 2, Gred 3; dan

(v) Bahagian Pemasangan dan Penyenggaraan dengan sekurang-kurangnya seorang juruteknik lif yang mempunyai kelayakan:

(a) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan ke atas dalam bidang pemasangan, pengujian dan penyelenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK); atau

(b) Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) Tahap 2 dan ke atas dalam bidang kursus *lift and escalator (installation, testing and maintenance operation)* yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Nota: Setiap kakitangan teknikal di Bahagian (i), (ii), (iii) dan (v) tidak boleh memegang jawatan lain. Hanya OYB Lif yang memenuhi kelayakan sahaja dibenarkan memegang salah satu jawatan pada bahagian tersebut.

5.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

5.1. Kategori Permohonan

Panduan mengisi butiran permohonan ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori permohonan (rujuk Jadual 2 di bawah), iaitu:

(i) pendaftaran;
(ii) pembaharuan pendaftaran; dan
(iii) kemas kini maklumat.

Jadual 2: Nota penerangan berkaitan kategori permohonan

KATEGORI PERMOHONAN		NOTA PENERANGAN
(i)	Pendaftaran	(a) Permohonan pendaftaran merujuk kepada pemohon yang baru pertama kali memohon untuk didaftarkan sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak. (b) Pemohon perlu merujuk panduan permohonan ini bagi menyemak dan memilih skop pendaftaran yang berkemampuan untuk dinilai dan didaftarkan oleh Jabatan sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak. (c) Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal yang bertanggungjawab untuk setiap bahagian. Lima (5) bahagian wajib yang terlibat adalah seperti yang berikut:

KATEGORI PERMOHONAN		NOTA PENERANGAN
		(i) Bahagian Projek Kejuruteraan; (ii) Bahagian Kawalan Kualiti (QA / QC); (iii) Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP); (iv) Bahagian Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif yang terdiri daripada seorang OYB Lif Gred 1, seorang OYB Lif Gred 2 dan seorang OYB Lif Gred 3; dan (v) Bahagian Pemasangan dan Penyenggaraan dengan sekurang-kurangnya seorang juruteknik lif yang mempunyai kelayakan: a. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan ke atas dalam bidang pemasangan, pengujian dan penyelenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK); **atau** b. Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) Tahap 2 dan ke atas dalam bidang kursus lift *and* escalator *(*installation*, testing and maintenance operation)* yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (*CIDB*).
(ii)	Pembaharuan pendaftaran	(a) Permohonan pembaharuan pendaftaran orang kompeten (syarikat) merujuk kepada pembaharuan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak yang telah berdaftar dengan Jabatan. (b) Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak hendaklah aktif menjalankan kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan sepanjang tempoh kelulusan yang lepas. (c) Pemohon perlu mempunyai kakitangan teknikal sebagaimana yang dinyatakan dalam 5.1(i) di atas. **Nota:** Orang kompeten (syarikat) dinasihatkan supaya memohon pembaharuan pendaftaran bermula **tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan.**

KATEGORI PERMOHONAN		NOTA PENERANGAN
(iii)	Kemas kini maklumat	(a) Permohonan kemas kini maklumat orang kompeten (syarikat) merujuk kepada permohonan untuk mengemas kini maklumat pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak yang telah berdaftar dengan Jabatan. (b) Dalam tempoh kelulusan, pemohon perlu membuat permohonan mengemas kini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak sekiranya terdapat sebarang perubahan pada perkara seperti yang berikut: (i) skop pendaftaran (Bahagian A); (ii) maklumat syarikat (Bahagian B); (iii) maklumat kakitangan teknikal (Bahagian C); (iv) maklumat cawangan (Bahagian D); (v) maklumat prinsipal (Bahagian E); (vi) maklumat pemasangan dan penyenggaraan (Bahagian F); atau (vii) mana-mana maklumat berkaitan dokumen yang wajib. (c) Proses ini akan melibatkan semakan dokumen, pembentangan teknikal atau audit berdasarkan kepada perubahan tersebut. (d) Syarikat akan dibenarkan menjalankan kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan berdasarkan maklumat yang dikemas kini selepas kelulusan Jabatan.

5.2. Butiran Permohonan

(i) Bahagian A: **Maklumat Sub-Permohonan**

Pilih **Skop Pendaftaran** seperti yang terdapat dalam **Jadual 1**.

(ii) Bahagian B: **Maklumat Syarikat**

Pemohon bagi permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak, hendaklah memastikan maklumat tempat kerja utama yang dimasukkan telah mempunyai nombor PEMTK dan berdaftar di bawah sektor **pembuatan** atau **perkhidmatan perniagaan** melalui sistem MyKKP.

Nota: Maklumat kakitangan yang dihubungi seperti nama, alamat e-mel dan nombor telefon bimbit hendaklah merujuk kepada kakitangan syarikat yang bertanggungjawab dalam menghantar permohonan syarikat.

(iii) Bahagian C: **Maklumat Kakitangan Teknikal**

Setiap kakitangan teknikal bahagian masing-masing hendaklah memenuhi semua syarat kelayakan seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Kriteria kelayakan kakitangan teknikal

Kriteria Kelayakan Kakitangan Teknikal	
(i) Bahagian Projek Kejuruteraan	
(a)	a. Warganegara Malaysia; **atau** b. Bukan warganegara Malaysia (hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia).
(b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan KKP, kod dan standard yang diiktiraf bagi reka bentuk dalam pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak.
(c)	Kelayakan akademik dan pengalaman (**warganegara Malaysia**):

Kriteria Kelayakan Kakitangan Teknikal	
	a. memiliki Ijazah Sarjana Muda **Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf** [(1)] dengannya yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualification Accreditation (MQA)* atau *Board of Engineers Malaysia (BEM)* dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak; **atau** b. memiliki diploma dalam bidang **Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf** [(1)] dengannya yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualification Accreditation (MQA)* atau *Board of Engineers Malaysia (BEM)* dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak; **atau** c. memiliki Sijil Kemahiran Tahap 3 / setara dalam bidang kejuruteraan atau setaraf [(1)] dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak. *[(1)] Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik, pengiraan matematik kejuruteraan, reka bentuk kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan.*
(d)	Kelayakan akademik dan pengalaman (**bukan warganegara Malaysia**): a. memiliki Ijazah Sarjana Muda **Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf** [(1)] dari institut pengajian tinggi (IPT) luar negara yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi Kebangsaan di negara asal calon **atau** mengemukakan Surat Penilaian Kesetaraan Kelayakan daripada *MQA* dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak; **atau** b. memiliki diploma **Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf** [(1)] dari institut pengajian tinggi (IPT) luar negara yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi Kebangsaan di negara asal calon **atau** mengemukakan Surat Penilaian Kesetaraan Kelayakan daripada *MQA* dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak;

Kriteria Kelayakan Kakitangan Teknikal	
	Nota: Sijil dan transkrip akademik mestilah mempunyai penterjemahan rasmi (jika bukan Bahasa Inggeris / bahasa Melayu) dan disahkan (*attestation / apostille*) oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pendidikan / kedutaan yang berkaitan. *(1) Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik, pengiraan matematik kejuruteraan, reka bentuk kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan.*
(e)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak.
(ii) Bahagian Kawalan Kualiti (QA / QC)	
(a)	Warganegara Malaysia.
(b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan, kod dan standard yang diiktiraf bagi reka bentuk dalam pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak.
(c)	Kelayakan akademik dan pengalaman: a. memiliki ijazah **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf** **(1)** dengannya yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualification Accreditation (MQA)* atau *Board of Engineers Malaysia (BEM)* dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak; **atau** b. memiliki diploma dalam bidang **Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf** **(1)** dengannya yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualification Accreditation (MQA)* atau *Board of Engineers Malaysia (BEM)* dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak; **atau** c. memiliki Sijil Kemahiran Tahap 3 / setara dalam bidang kejuruteraan atau setaraf **(1)** dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak; **atau** d. memiliki SPM / setara dan berpengalaman selama sepuluh (10) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak. *(1) Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik,*

Kriteria Kelayakan Kakitangan Teknikal	
	pengiraan matematik kejuruteraan, reka bentuk kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan.
(d)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan berkaitan kawalan kualiti bagi pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak.
(iii) Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)	
(a)	Syarikat perlu melantik pegawai keselamatan dan kesihatan (*safety and health officer - SHO*) jika: a. tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), 1997[(1)]; **atau** b. syarikat perlu melantik seorang penyelia keselamatan tapak bina (*site safety supervisor - SSS*) jika tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024; **atau** c. melantik penyelaras KKP yang telah menghadiri kursus penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan *(OSH Coordinator - OSH-C*) dengan pusat pengajar berdaftar dengan JKKP[(2)] Nombor pendaftaran SHO/SSS/OSH-C yang sah perlu dimasukkan sebagai maklumat bagi kakitangan teknikal di Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. *[(1)] Pastikan setiap kakitangan SHO/SSS/OSH-C telah berdaftar dengan majikan terkini semasa membuat permohonan. Semakan profil orang kompeten ini boleh disemak melalui profil orang kompeten pada laman web myKKP.* *[(2)] Rujuk senarai pusat pengajar bagi penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH Coordinator) di dalam laman web rasmi Jabatan.*
(iv) Bahagian Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif	
(a)	Warganegara Malaysia.
(b)	a. Telah memenuhi syarat dan berdaftar sebagai OYB Lif Gred 1, Gred 2 atau Gred 3 di bawah nama syarikat pemohon terlebih dahulu; b. Nombor kad pengenalan OYB Lif yang sah perlu dimasukkan sebagai maklumat bagi kakitangan teknikal di Bahagian C. **Nota**: Mesej ralat akan terpapar jika OYB Lif masih tidak didaftarkan atau lulus permohonan pembaharuan pendaftaran OYB Lif di bawah nama syarikat pemohon.
(c)	a. Setiap pemohon yang membuat permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat)

Kriteria Kelayakan Kakitangan Teknikal	
	Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang OYB Lif Gred 1, seorang OYB Lif Gred 2 dan seorang OYB Lif Gred 3 yang telah didaftarkan di bawah nama syarikat terlebih dahulu; b. Bagi permohonan pembaharuan pendaftaran dan kemas kini maklumat, Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak perlu memenuhi keperluan nisbah jumlah OYB Lif dan jumlah LYMPK terkini yang di selenggara iaitu 1:200.
(v) Bahagian Pemasangan dan Penyenggaraan (Juruteknik Lif)	
(a)	Warganegara Malaysia.
(b)	Setiap pemohon yang membuat permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang juruteknik lif yang memiliki kelayakan seperti berikut: a. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan ke atas dalam bidang pemasangan, pengujian dan penyelenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK); **atau** b. Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) Tahap 2 dan ke atas dalam bidang kursus *lift and escalator (installation, testing and maintenance operation)* yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Pemohon hendaklah memuat naik sijil akademik, *resume*, sijil-sjil kehadiran latihan teknikal berkaitan reka bentuk pemasangan dan pembukaan lif, eskalator dan laluan gerak, sijil KKP bagi setiap kakitangan teknikal yang dinamakan pada ruangan yang disediakan.

(iv) Bahagian D: **Maklumat Cawangan**

Sekiranya syarikat mempunyai premis cawangan yang ingin didaftarkan untuk menjalankan kerja sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan gerak, cawangan tersebut hendaklah telah mempunyai nombor PEMTK dan berdaftar di bawah sektor **pembuatan** atau **perkhidmatan perniagaan** melalui sistem MyKKP. Penerangan lanjut adalah seperti dinyatakan

dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Nota penerangan berkaitan maklumat cawangan

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
Nama syarikat	Merujuk kepada nama syarikat (tempat kerja utama) yang didaftarkan seperti di Bahagian B.
Nombor pendaftaran syarikat	Nombor pemberitahuan tempat kerja cawangan syarikat yang didaftarkan di dalam MyKKP di bawah sektor **pembuatan** atau **perkhidmatan perniagaan**.
Nombor telefon syarikat	Nombor telefon cawangan syarikat yang didaftarkan untuk Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak.
E-mel syarikat	E-mel cawangan syarikat yang boleh dihubungi oleh Jabatan.
Bilangan pekerja	Bilangan pekerja yang berjawatan tetap dan kontrak di cawangan syarikat.
Kakitangan teknikal	Maklumat kakitangan teknikal yang bertanggungjawab di cawangan tempat kerja. Syarikat perlu menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal projek kejuruteraan, kawalan kualiti, dan KKP khusus bagi cawangan tempat kerja jika lokasi cawangan tempat kerja **berlainan daerah** dengan tempat kerja utama. **Nota***:* Sekiranya lokasi cawangan tempat kerja berada dalam daerah yang sama**,** pemohon boleh menggunakan senarai kakitangan teknikal tempat kerja utama.

(v) Bahagian E: **Maklumat Prinsipal**

Permohonan Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) prinsipal lif, eskalator dan laluan gerak yang masih aktif dengan menyertakan maklumat prinsipal serta jenama yang diguna pakai.

Setiap Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak tidak boleh mempunyai prinsipal yang sama dengan Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif,

Eskalator dan Laluan Gerak yang lain tanpa kebenaran Jabatan. Bagi permohonan pendaftaran baharu atau permohonan kemas kini maklumat penambahan prinsipal yang baharu, pemohon perlu memastikan prinsipal tersebut tidak mempunyai kontrak perjanjian yang masih sah dengan mana-mana Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak lain di Malaysia.

Pemohon perlu mengisi maklumat prinsipal seperti nama prinsipal, alamat prinsipal, nombor telefon, e-mel syarikat, nama orang yang boleh dihubungi, nombor telefon bimbit orang yang boleh dihubungi dan e-mel orang yang boleh dihubungi pada ruangan yang disediakan.

(vi) Bahagian F: **Maklumat Pemasangan dan Penyenggaraan**

Pemohon hendaklah mengisi maklumat pemasangan dan penyenggaraan bagi kategori permohonan pembaharuan pendaftaran dan kemas kini maklumat. Maklumat yang diperlukan ialah jenis jentera, negeri, jenama, jumlah pemasangan dan jumlah penyenggaraan yang terkini.

6.0 DOKUMEN

6.1. Dokumen Permohonan

Dokumen yang perlu dimuat naik mestilah dalam format PDF sahaja. Penerangan lanjut adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Penerangan berkaitan butiran dokumen permohonan

BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
(1)	Ringkasan latar belakang syarikat	Mengandungi maklumat latar belakang atau profil syarikat (utama) dan cawangan.
(2)	Carta organisasi tempat kerja syarikat (utama dan cawangan)	Carta organisasi syarikat (utama) dan cawangan yang terkini dan menyenaraikan semua kakitangan syarikat. **Nota:** Nyatakan nama penuh, bahagian dan jawatan kakitangan teknikal iaitu bagi bahagian projek kejuruteraan, QA / QC, KKP, OYB Lif dan juruteknik lif. Pastikan ia seragam seperti yang dinyatakan dalam permohonan pada Bahagian C.
(3)	Senarai nama kakitangan teknikal dan KKP bagi tempat kerja (utama dan cawangan)	Menyediakan senarai maklumat dalam bentuk jadual serta *resume* bagi setiap kakitangan teknikal, kakitangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) serta kakitangan OYB Lif pada Bahagian C yang mengandungi: a. nama; b. jawatan; c. pengalaman kerja berkaitan pemasangan dan penyenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak; d. kelayakan akademik berkaitan (yang tertinggi); dan e. jenis latihan / kursus teknikal dan KKP berkaitan yang telah dihadiri.

BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
		Nota: (1) Sertakan sijil akademik, resume, sijil kursus bagi setiap kakitangan tersebut; dan (2) Bagi syarikat yang mempunyai cawangan yang lain untuk didaftarkan, syarikat perlu menyediakan maklumat kakitangan teknikal yang lain bagi setiap cawangan tersebut jika berlainan daerah dengan syarikat.
(4)	Senarai aktiviti dan pengalaman kerja	Maklumat perlu mengandungi: a. senarai pengalaman kerja berkaitan skop pendaftaran (pendaftaran baharu); dan b. senarai rekod kerja berkaitan skop pendaftaran sepanjang tempoh kelulusan (pembaharuan pendaftaran).
(5)	Memorandum perjanjian (*Memorandum of Agreement -MOA*) dengan prinsipal	MOA dengan prinsipal lif, eskalator dan laluan gerak luar negara yang mengandungi tidak terhad kepada maklumat berikut: a. kerjasama latihan, teknikal dan kejuruteraan; b. maklumat model dan jenama; dan c. tarikh sah dan tempoh perjanjian dengan prinsipal seperti berikut: i. pendaftaran: tempoh perjanjian 5 tahun; ii. pembaharuan pendaftaran: tempoh perjanjian masih sah; atau iii. Penambahan prinsipal: tempoh perjanjian 5 tahun.
(6)	Sijil berkaitan dengan prinsipal	Senarai sijil ujian sistem dan komponen keselamatan lif, eskalator dan laluan gerak yang terkini seperti berikut: a. lesen pengilangan *special equipment* dengan pihak berkuasa negara asal; b. sijil ujian jenis sistem (*system type test certificate*) daripada Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa; c. sijil ujian jenis komponen (*component type test certificate*) daripada Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa; d. pembuktian mempunyai menara ujian (*test tower*) bagi setiap prinsipal; dan e. sijil OYB Lif telah menghadiri latihan bersama pihak prinsipal. **Nota:** Dokumen di atas hendaklah memenuhi kehendak Akta 514, Peraturan LYMPK dan standard yang terkini.
(7)	Senarai jentera dan peralatan dimiliki	Senarai dan spesifikasi **peralatan kerja** pemasangan dan penyenggaraan terkini tidak terhad kepada berikut:

BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
	beserta spesifikasi bagi syarikat dan cawangan (jika ada)	a. *grinder*; b. *drill machine*; c. *tightening tools*; d. *scaffold set / false car for installation*; dan e. alat ganti. Senarai dan spesifikasi **peralatan pemeriksaan kualiti terkini** tidak terhad kepada yang berikut: a. *vernier caliper;* b. *groove dan feeler gauge;* c. *volt meter;* d. *ohm meter;* e. *tachometer; dan* f. *load tester*. **Nota:** Senarai peralatan di atas juga diperlukan untuk permohonan kemas kini cawangan yang baru.
(8)	Manual kawalan kualiti yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan	Menyediakan Manual Kawalan Kualiti syarikat yang mengandungi tidak terhad kepada perkara seperti yang berikut: a. polisi kualiti yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi; b. prosedur dan senarai semak bagi pemasangan; c. prosedur dan senarai semak bagi penyenggaraan dan penelitian; d. prosedur dan senarai semak bagi pembukaan; e. prosedur aduan pelanggan, menyelamat dan kecemasan; dan Muka hadapan manual pemasangan dan pembukaan daripada setiap prinsipal lif, eskalator dan laluan gerak.
(9)	Maklumat pemantauan sub-kontraktor	Senarai nama dan alamat sub-kontraktor pemasangan lif, eskalator dan laluan gerak yang dilantik oleh syarikat; dan

BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
	pemasangan lif, eskalator dan laluan gerak	Menyediakan prosedur pemantauan dan kawal selia sub-kontraktor yang khusus untuk membantu kerja pemasangan sahaja.
(10)	Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan	Menyediakan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi tidak terhad kepada perkara seperti yang berikut: a. polisi keselamatan dan kesihatan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi; b. carta organisasi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan (JKK); c. prosedur kerja selamat bagi kerja-kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan; dan Penaksiran risiko yang disediakan dan disahkan oleh majikan dalam bentuk HIRARC, JHA atau JSA bagi kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan.
(11)	Senarai Kod Reka Bentuk berkaitan yang dimiliki	Mengemukakan senarai kod reka bentuk terkini diguna pakai tidak terhad kepada EN81, MS2021, EN115, ASME, BS dan lain-lain. **Nota:** Setiap kod reka bentuk yang diguna pakai hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemas kini maklumat.
(12)	Surat Kebenaran / Sijil Pendaftaran / Lesen Perniagaan (PBT, SSM, PERKESO dan lain-lain)	Mengemukakan salinan surat kebenaran / lesen perniagaan yang sah seperti yang berikut: a. pendaftaran dengan pihak berkuasa tempatan; b. pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Borang 9 dan 49); dan c. pendaftaran terkini dengan PERKESO bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan pendaftaran dan kemas kini premis baharu.
(13)	Senarai pencarum KWSP kakitangan syarikat bagi 3 bulan berturut yang terkini	Mengemukakan rekod salinan penyata caruman KWSP yang tersenarai nama kakitangan teknikal, kakitangan KKP, OYB Lif dan juruteknik Lif untuk tiga (3) bulan berturut-turut (yang terkini) bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan pendaftaran dan kemas kini maklumat kakitangan.
(14)	Program Latihan Teknikal dan	Menyediakan senarai rekod program latihan / kursus teknikal dan KKP dalaman dan luaran bagi syarikat dan cawangan dalam bentuk jadual seperti yang berikut:

BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) kakitangan syarikat dan cawangan	a. senarai latihan tahunan yang telah dijalankan sebelum permohonan (pendaftaran baharu dan kemas kini skop) atau sepanjang kelulusan yang lepas (pembaharuan pendaftaran); dan b. pelan perancangan latihan bagi tahun semasa (pendaftaran baharu, pembaharuan pendaftaran dan kemas kini skop).
(15)	Senarai sijil pengiktirafan yang telah diterima (ISO 9001 / ISO 45001 / MS 1722 / ASME dan lain-lain) jika ada	Memuat naik sijil pengiktirafan berkaitan pencapaian kualiti pengurusan, teknikal dan KKP yang telah diterima syarikat dan masih dalam tempoh sah. **Nota:** Setiap sijil pengiktirafan asal yang dinyatakan hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemas kini skop.

7.0 PEMAKLUMAN

Jabatan boleh menolak atau membatalkan permohonan atau menarik balik kelulusan pendaftaran ke atas syarikat jika didapati syarikat:

(i) tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak; atau
(ii) memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
(iii) telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKKP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran; atau
(iv) telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau *fraud*.

8.0 FI

Pembayaran fi pemprosesan, pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran bagi permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak hendaklah menurut Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Orang Kompeten dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 seperti Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Fi pemprosesan

Jenis Fi	Pendaftaran (RM)	Pembaharuan (RM)
Fi Pemprosesan	300	-
Fi Pendaftaran	3,000	-
Fi Pembaharuan	-	3,000

9.0 PIAGAM PELANGGAN

9.1. Permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** bekerja. Proses ini akan melibatkan semakan terhadap dokumen, pembentangan teknikal dan audit lapangan.

9.2. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh pegawai proses. Keputusan kelulusan sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem MySKUD.

9.3. Permohonan yang tidak lengkap akan **dibatalkan/tidak diluluskan** dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula selepas membuat penambahbaikan dan mematuhi syarat-syarat dan prosedur permohonan yang ditetapkan dalam panduan ini.

9.4. Bagi permohonan yang telah lengkap memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan, kelulusan pendaftaran baru dan pembaharuan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak akan diberikan untuk tempoh tiga (3) tahun.

10.0 TEMPOH PERALIHAN PELAKSANAAN

10.1. Panduan ini menetapkan tempoh peralihan pelaksanaan selama satu (1) tahun bermula dari tarikh panduan ini mula berkuat terhadap semua Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak sedia ada untuk membuat penyesuaian serta memenuhi setiap keperluan permohonan yang dinyatakan dalam panduan ini.

10.2. Permohonan pembaharuan pendaftaran yang dikemukakan selepas tamat tempoh peralihan hendaklah mematuhi sepenuhnya piawaian dan keperluan yang berkuat kuasa, manakala bagi permohonan pendaftaran baharu, ia tidak tertakluk kepada tempoh peralihan dan hendaklah mematuhi piawaian serta keperluan yang ditetapkan bermula dari tarikh panduan ini berkuat kuasa.

10.3. Jabatan boleh membatalkan atau menarik balik kelulusan pendaftaran ke atas syarikat pemohon sekiranya pemohon gagal mematuhi syarat yang ditetapkan.

11.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut, penjelasan atau kemusykilan berhubung panduan ini boleh dikemukakan terus ke Pengarah, Bahagian Keselamatan Industri (BKI) atau Ketua Unit Pengiktirafan, Seksyen Pengiktirafan, Peperiksaan dan Persijilan Bahagian Keselamatan Industri (BKI), JKKP Ibu Pejabat.